

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2011/2012**

NAMA KURSUS	:	BEKALAN AIR DAN SISTEM PEMBINAAN
KOD KURSUS	:	BBT 3442
KURSUS	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN TEKNIK & VOKASIONAL
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN 2012
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A DAN TIGA SOALAN SAHAJA DI BAHAGIAN B

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TUJUH (7) MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A: JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN INI DI DALAM KERTAS SOALAN (25 MARKAH)

- S1. Berikut adalah proses-proses yang terlibat dalam Kitaran Hidrologi
- A. Penyusupan, pemintasan, kondensasi, transpirasi, pemeluwapan.
 - B. Penyusupan, pemintasan, penyejatan, perpeluhan, pemeluwapan.
 - C. Penyusupan, pemintasan, penyejatan, transpirasi, pemeluwapan.
 - D. Penyusupan, pengolahan, penyejatan, transpirasi, pemeluwapan.
- S2. Ia merupakan punca air yang mengalir secara semulajadi di lereng-lereng bukit yang berpunca daripada pertemuan antara lapisan telap dengan lapisan tidak telap.
- A. Sungai
 - B. Telaga tiub
 - C. Telaga cetek
 - D. Air mata air
- S3. Bahan-bahan pepejal terampai yang terdapat di dalam air mentah turut dikenali sebagai
- A. flok
 - B. kersik
 - C. koloidal
 - D. gumpalan
- S4. Bahan-bahan yang tidak mudah hancur yang terdapat di dalam air seperti pasir, kulit telur dan kaca dikenali sebagai
- A. flok
 - B. kersik
 - C. koloidal
 - D. gumpalan
- S5. Apakah kaedah agihan yang paling sesuai digunakan bagi penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan lembah?
- A. Kaedah Graviti.
 - B. Kaedah Pam Terus.
 - C. Kaedah Pam dan Takungan.
 - D. Semua kaedah di atas.
- S6. Bahan-bahan berikut amat sesuai digunakan untuk pembinaan tangki simpanan air kecuali
- A. *fibre Glass*.
konkrit bertetulang.
 - B. *Iron*.
 - C. polimer.

- S7. Jenis bahan perpaipan berikut amat sesuai digunakan untuk kegunaan paip air panas.
- A. Paip PVC
 - B. Paip *Galvanised Iron*
 - C. Paip Kuprum
 - D. Paip Polimer
- S8. Paip ini terdapat dalam gred A, B dan C, dan digunakan dengan meluas terutamanya untuk menyalurkan bekalan air untuk kegunaan domestik.
- A. Paip PVC
 - B. Paip *Galvanised Iron*
 - C. Paip Kuprum
 - D. Paip Polimer
- S9. Injap yang digunakan untuk mengeluarkan dan memasukkan udara ke dalam paip semasa mengisi air atau pengosongan paip.
- A. Injap Sekat Hala
 - B. Injap Pencuci
 - C. Injap Get
 - D. Injap Pelepas Udara
- S10. Injap yang digunakan dengan meluas dalam salur paip mengepam untuk membenarkan air mengalir dalam satu hala sahaja.
- A. Paip PVC
 - B. Paip *Galvanised Iron*
 - C. Paip Kuprum
 - D. Paip Polimer
- S11. Air adalah terdiri daripada unsur-unsur _____ dan _____.
- S12. Sungai, laut dan tasik adalah merupakan sumber air _____.
- S13. Semasa merawat air, _____ digunakan untuk membunuh kuman.
- S14. Terdapat 3 jenis penyakit bawaan air iaitu _____,
_____ dan _____.